



NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF TERENGGANU DARUL IMAN GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

**Jil. 58**

**18hb Ogos 2005**

**No. 17**

---

---

**No. 512.**

UNDANG-UNDANG BAGI DIRI KERAJAAN TERENGGANU  
(BAB YANG KEDUA)  
FASAL XXX

PEMBATALAN GELARAN

(Mohor Negeri)

(Sultan Terengganu)

BAHAWASANYA, BETA, pada menjalankan kuasa yang diberi kepada BETA di bawah Fasal XXVIII dan XXIX Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Yang Kedua) (selepas ini dirujuk sebagai “Undang-Undang tersebut”) pada 15 September 1997 melalui *Warta Kerajaan Terengganu* No. 1139 Tahun 1997 telah mengurniakan gelaran “Engku Pengeran Arif DiRaja” kepada Yang Mulia Engku Alwi bin Engku Haji Ambak;

DAN BAHAWASANYA Fasal XXX Undang-Undang tersebut memperuntukkan bahawa BETA, selepas berunding dengan Dewan Pangkuan Diraja Terengganu, boleh membatalkan atau memansuhkan pengurniaan darjah atau kebesaran pada mana-mana orang yang telah dikurniakan apa-apa Pangkat, Gelaran, Darjah Bintang Kebesaran, atau Kemuliaan di bawah Fasal XXVIII dan XXIX Undang-Undang tersebut jika sekiranya watak atau kelakuan seorang itu tidak lagi seorang yang patut dikurniakan Darjah atau Kebesaran yang dikurniakan kepadanya;

DAN BAHAWASANYA BETA, selepas berunding dengan Dewan Pangkuan Diraja Terengganu, berpuas hati bahawa kelakuan Yang Mulia Engku Alwi bin Engku Haji Ambak tidak lagi seorang yang patut dikurniakan Darjah atau Kebesaran yang telah dikurniakan kepadanya;

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, BETA, AL-WATHIQU BILLAH AL-SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN, Darjah Utama Kerabat Terengganu Yang Amat Mulia (D.K.T.), Darjah Kerabat Diraja Terengganu Yang Amat Mulia (D.K.R.), Darjah Utama Seri Mahkota Negara (D.M.N.), Darjah Seri Setia Sultan Mizan Zainal Abidin Terengganu Yang Amat Terpilih (S.S.M.Z.), Darjah Seri Setia Sultan Mahmud Terengganu Yang Amat Terpuji (S.S.M.T.), Darjah Seri Paduka Mahkota Terengganu Yang Amat Dihormati (S.P.M.T.), Darjah Kerabat Baginda Syed Putra Perlis (D.K. (Perlis)), Darjah Kerabat Johor Yang Amat Dihormati (D.K. (Johor)), Darjah Kerabat Mahkota Brunei (D.K.M.B. (Brunei)), Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati Perak (D.K. (Perak)), Darjah Kerabat Negeri Sembilan Yang Amat Dihormati (D.K. (Negeri Sembilan)), Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati Kedah (D.K. (Kedah)), Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati Kelantan (D.K. (Kelantan)), Darjah Kerabat Yang Amat Dihormat Selangor (D.K. (Selangor)), Darjah Seri Paduka Mahkota Johor (S.P.M.J.), IBNI AL-MARHUM SULTAN MAHMUD AL-MUKTAFI BILLAH SHAH, Sultan dan Yang Dipertuan bagi Negeri Terengganu Darul Iman serta segala Jajahan Takluknya ADALAH DENGAN INI MENGISYTIHARKAN bahawa BETA pada hari ini telah berkenan membatalkan gelaran “Engku Pengeran Arif DiRaja” yang telah Beta kurniakan kepada Yang Mulia Engku Alwi bin Engku Haji Ambak.

Diperbuat di Istana BETA, Istana Badariah, Kuala Terengganu pada 26 haribulan Muharam Tahun Hijrah Seribu Empat Ratus Dua Puluh Enam (1426) bersamaan dengan 7 haribulan Mac Tahun Dua Ribu Lima (2005).

Dengan Titah Perintah,

TENGGU BENTARA RAJA  
*Setiausaha*  
*Dewan Pangkuan Diraja*  
*Terengganu*

LAWS OF THE CONSTITUTION OF TERENGGANU  
(SECOND PART)  
ARTICLE XXX

REVOCATION OF TITLE

(State Seal)

(Sultan of Terengganu)

WHEREAS I, in exercise of the powers given to me under Articles XXVIII and XXIX of the Laws of the Constitution of Terengganu (Second Part) (hereinafter referred to as “the said Laws”) on 15 September 1997 vide Terengganu Government *Gazette* No. 1139 of 1997 has conferred the title of “Engku Pengeran Arif DiRaja” upon Yang Mulia Engku Alwi bin Engku Haji Ambak;

AND WHEREAS ARTICLE XXX of the said Laws provides that I, after consultation with the Dewan Pangkuan Diraja Terengganu, may revoke or annul the conferment of titles or dignities upon any person who has been conferred with any Rank, Titles, Badge of Honour or Dignity under Article XXVIII and XXIX of the said Laws if the conduct or character of such person is no longer a proper person to be conferred with such Titles or Dignity;

WHEREAS I, after consultation with the Dewan Pangkuan Diraja Terengganu, is satisfied that the conduct of Yang Mulia Engku Alwi bin Engku Haji Ambak is no longer a proper person to be conferred with the Title or Dignity which has been conferred upon him;

NOW, THEREFORE, I, AL-WATHIQU BILLAH AL-SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN, Darjah Utama Kerabat Terengganu Yang Amat Mulia (D.K.T.), Darjah Kerabat Diraja Terengganu Yang Amat Mulia (D.K.R.), Darjah Utama Seri Mahkota Negara (D.M.N.), Darjah Seri Setia Sultan Mizan Zainal Abidin Terengganu Yang Amat Terpilih (S.S.M.Z.), Darjah Seri Setia Sultan Mahmud Terengganu Yang Amat Terpuji (S.S.M.T.), Darjah Seri Paduka Mahkota Terengganu Yang Amat Dihormati (S.P.M.T.), Darjah Kerabat Baginda Syed Putra Perlis (D.K. (Perlis)), Darjah Kerabat Johor Yang Amat Dihormati (D.K. (Johor)), Darjah Kerabat Mahkota Brunei (D.K.M.B. (Brunei)), Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati Perak (D.K. (Perak)), Darjah Kerabat Negeri Sembilan Yang Amat Dihormati (D.K. (Negeri Sembilan)), Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati Kedah (D.K. (Kedah)), Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati Kelantan (D.K. (Kelantan)),

Darjah Kerabat Yang Amat Dihormat Selangor (D.K. (Selangor)), Darjah Seri Paduka Mahkota Johor (S.P.M.J.), IBNI AL-MARHUM SULTAN MAHMUD AL-MUKTAFI BILLAH SHAH, Sultan and Sovereign Ruler of the State and Territory of Terengganu Darul Iman and all its Dependencies HEREBY PROCLAIMS THAT I on this day revoked the title of “Engku Pengeran Arif DiRaja” which I had conferred upon Yang Mulia Engku Alwi bin Engku Haji Ambak.

Given at Our Court at Istana Badariah, Kuala Terengganu, this 26 day of Muharam One Thousand Four Hundred and Twenty Six (1426) corresponding to the 7th day of March, Two Thousand and Five (2005).

By Command,

TENGGU BENTARA RAJA  
*Secretary of the  
Dewan Pangkuan Diraja  
Terengganu*

**No. 513.**

UNDANG-UNDANG DARJAH KEBESARAN MAHKOTA TERENGGANU  
YANG AMAT DIHORMATI

TAULIAH DI BAWAH FASAL 22

(Mohor Negeri)

(Sultan Terengganu)

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM,  
ALHAMDULILLAHI-RABBIL-‘ALAMIN  
WASSALATU-WASSALAMU-‘ALA SAYYIDINA MUHAMMADIN  
WA’ALA ALIHI WASAHBIHI AJMAIN

BAHAWASANYA, BETA, dengan jalan statut yang digelar Undang-Undang Darjah Kebesaran Mahkota Terengganu Yang Amat Dihormati (*Tr. P.U. 20/62*) (selepas daripada ini disebut sebagai “Statut”) pada 10 Mac 1990 melalui *Warta Kerajaan Terengganu* No. 284 Tahun 1990, telah melantik Yang Mulia Engku Alwi bin Engku Haji Ambak ke dalam Peringkat Kedua Darjah Kebesaran Mahkota Terengganu Yang Amat Dihormati iaitu Darjah Dato’ Paduka Mahkota Terengganu;

DAN BAHAWASANYA di bawah Statut, BETA berkuasa dengan tauliah yang ditandatangani oleh BETA, dan dimeterai dengan Cap Mohor Darjah Kebesaran ini, atas syor sedemikian oleh Dewan Pangkuan Diraja Terengganu, untuk membatalkan dan memansuhkan lantikan mana-mana orang ke dalam mana-mana Peringkat Darjah Kebesaran ini dan namanya (sama ada lelaki atau perempuan) hendaklah terus dihapuskan di dalam daftar;

DAN BAHAWASANYA BETA berhasrat, atas syor sedemikian oleh Dewan Pangkuan Diraja Terengganu, untuk membatalkan dan memansuhkan pelantikan Yang Mulia Engku Alwi bin Engku Haji Ambak;

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa di bawah Fasal 22 Statut, BETA, AL-WATHIQU BILLAH AL-SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN, Darjah Utama Kerabat Terengganu Yang Amat Mulia, (D.K.T.), Darjah Kerabat Diraja Terengganu Yang Amat Mulia (D.K.R.), Darjah Utama Seri Mahkota Negara (D.M.N.), Darjah Seri Setia Sultan Mizan Zainal Abidin Terengganu Yang Amat Terpilih (S.S.M.Z.), Darjah Seri Setia Sultan Mahmud Terengganu Yang Amat Terpuji (S.S.M.T.), Darjah Seri Paduka Mahkota Terengganu Yang Amat Dihormati (S.P.M.T.), Darjah Kerabat Baginda Syed Putra Perlis (D.K. (Perlis)), Darjah Kerabat Johor Yang Amat Dihormati (D.K. (Johor)), Darjah Kerabat Mahkota Brunei (D.K.M.B. (Brunei)), Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati Perak (D.K. (Perak)), Darjah Kerabat Negeri Sembilan Yang Amat Dihormati (D.K. (Negeri Sembilan)), Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati Kedah (D.K. (Kedah)), Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati Kelantan (D.K. (Kelantan)), Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati Selangor (D.K. (Selangor)), Darjah Seri Paduka Mahkota Johor (S.P.M.J.), IBNI AL-MARHUM SULTAN MAHMUD AL-MUKTAFI BILLAH SHAH, Sultan dan Yang Dipertuan Bagi Negeri Terengganu Darul Iman serta segala Jajahan Takluknya dengan Tauliah ini membatalkan dan memansuhkan pelantikan Yang Mulia Dato' Engku Alwi bin Engku Haji Ambak ke dalam Peringkat Kedua Darjah Kebesaran Mahkota Terengganu Yang Amat Dihormati iaitu Darjah Dato' Paduka Mahkota Terengganu dan memerintahkan namanya dihapuskan di dalam daftar.

Diperbuat di Istana BETA, Istana Badariah, Kuala Terengganu pada 26 haribulan Muharam Tahun Hijrah Seribu Empat Ratus Dua Puluh Enam (1426) bersamaan dengan 7 haribulan Mac Tahun Dua Ribu Lima (2005).

Dengan Titah Perintah,

(Tandatangan)  
YANG DIPERTUA

Dengan Titah Perintah,

(Tandatangan)  
PENDAFTAR

STATUTES OF THE HONOURABLE ORDER  
OF THE CROWN OF TERENGGANU  
WARRANT UNDER STATUTE 22

(Mohor Negeri)

Sultan of Terengganu

In the name of ALLAH, the Compassionate, the Merciful, PRAISE be to ALLAH, the Lord of the Universe, and may the benediction and peace of ALLAH be upon OUR Leader Muhammad and upon all His Relations and Friends

WHEREAS, WE HAVE, by virtue of the statute known as the Statutes of the Honourable Order of the Crown of Terengganu (*Tr. L.N. 20/62*) (hereinafter referred to as "the Statutes") on 10 March 1990 vide Government of Terengganu *Gazette* No. 284 of 1990, appointed Yang Mulia Engku Alwi bin Engku Haji Ambak to the Second Class of the Honourable Order of the Crown of Terengganu that is the Order of Dato' Paduka Mahkota Terengganu;

AND WHEREAS under the Statutes, WE may, by a warrant signed by us and sealed with the Seal of the Order, on the recommendation to that effect by the Dewan Pangkuan Diraja Terengganu, cancel and annul the appointment of any person to any of the Classes of the Order and thereupon his or her name in the register shall be erased;

AND WHEREAS WE desire, on the recommendation to that effect by the Dewan Pangkuan Diraja Terengganu, to cancel and annul the appointment of Yang Mulia Engku Alwi bin Engku Haji Ambak;

NOW, THEREFORE, in exercise of the powers given under Statute 22 of the Statutes, WE, AL-WATHIQU BILLAH AL-SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN, Darjah Utama Kerabat Terengganu Yang Amat Mulia (D.K.T.), Darjah Kerabat Diraja Terengganu Yang Amat Mulia (D.K.R.), Darjah Utama Seri Mahkota Negara (D.M.N.), Darjah Seri Setia Sultan Mizan Zainal Abidin Terengganu Yang Amat Terpilih (S.S.M.Z.), Darjah Seri Setia Sultan Mahmud Terengganu Yang Amat Terpuji (S.S.M.T.), Darjah Seri Paduka Mahkota Terengganu Yang Amat Dihormati (S.P.M.T.), Darjah Kerabat Baginda Syed Putra Perlis (D.K. (Perlis)), Darjah Kerabat Johor Yang Amat Dihormati (D.K. (Johor)), Darjah Kerabat Mahkota Brunei (D.K.M.B. (Brunei)), Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati Perak (D.K. (Perak)), Darjah Kerabat Negeri Sembilan Yang Amat Dihormati (D.K. (Negeri Sembilan)), Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati Kedah (D.K. (Kedah)), Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati Kelantan (D.K. (Kelantan)), Darjah Kerabat Yang Amat Dihormat Selangor (D.K. (Selangor)), Darjah Seri Paduka Mahkota Johor (S.P.M.J.), IBNI AL-MARHUM SULTAN MAHMUD AL-MUKTAFI BILLAH SHAH, Sultan and Sovereign Ruler of the State and Territory of Terengganu Darul Iman and all its Dependencies hereby cancel and annul the appointment of Yang Mulia Engku Alwi bin Engku Haji Ambak to the Second Class of the Honourable Order of the Crown of Terengganu that is the Order of Dato' Paduka Mahkota Terengganu and command and his name be erased in the register.

Given at Our Court at Istana Badariah, Kuala Terengganu, this 26 day of Muharam One Thousand Four Hundred and Twenty Six (1426) corresponding to the 7th day of March, Two Thousand and Five (2005).

By Command,

(Signature)

PRESIDENT

By Command,

(Signature)

REGISTRAR

## NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN

No. 514.

TAULIAH PEMBATALAN PELANTIKAN SEBAGAI  
JAKSA PENDAMAI

(Mohor Negeri)

(Sultan Terengganu)

DARIPADA DULI YANG MAHA MULIA SULTAN  
DENGAN IZIN ALLAH,

Kepada

Yang Mulia Engku Alwi bin Engku Haji Ambak

BAHAWASANYA, menurut subseksyen 98(2) Akta Mahkamah Rendah 1948 (*Akta 92*), Pihak Berkuasa Negeri boleh, dengan waran yang ditandatangani, membatalkan pelantikan mana-mana orang yang telah dilantik menjadi Jaksa Pendamai di dalam dan bagi negeri itu;

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, BETA, AL-WATHIQU BILLAH AL-SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN, Darjah Utama Kerabat Terengganu Yang Amat Mulia (D.K.T.), Darjah Kerabat Diraja Terengganu Yang Amat Mulia (D.K.R.), Darjah Utama Seri Mahkota Negara (D.M.N.), Darjah Seri Setia Sultan Mizan Zainal Abidin Terengganu Yang Amat Terpilih (S.S.M.Z.), Darjah Seri Setia Sultan Mahmud Terengganu Yang Amat Terpuji (S.S.M.T.), Darjah Seri Paduka Mahkota Terengganu Yang Amat Dihormati (S.P.M.T.), Darjah Kerabat Baginda Syed Putra Perlis (D.K. (Perlis)), Darjah Kerabat Johor Yang Amat Dihormati (D.K. (Johor)), Darjah Kerabat Mahkota Brunei (D.K.M.B. (Brunei)), Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati Perak (D.K. (Perak)), Darjah Kerabat Negeri Sembilan Yang Amat Dihormati (D.K. (Negeri Sembilan)), Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati Kedah (D.K. (Kedah)), Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati Kelantan (D.K. (Kelantan)), Darjah Kerabat Yang Amat Dihormat Selangor (D.K. (Selangor)), Darjah Seri Paduka Mahkota Johor (S.P.M.J.), IBNI AL-MARHUM SULTAN MAHMUD AL-MUKTAFI BILLAH SHAH, Sultan dan Yang Dipertuan bagi Negeri Terengganu Darul Iman serta segala Jajahan Takluknya dengan ini membatalkan pelantikan kamu Yang Mulia Engku Alwi bin Engku Haji Ambak sebagai seorang Jaksa Pendamai di dalam dan bagi Negeri Terengganu Darul Iman;

DIPERBUAT di Istana BETA, Istana Badariah, Kuala Terengganu pada 26 haribulan Muharam Tahun Hijrah Seribu Empat Ratus Dua Puluh Enam (1426) bersamaan dengan 7 haribulan Mac Tahun Dua Ribu Lima (2005).

## STATE OF TERENGGANU DARUL IMAN

## WARRANT OF REVOCATION AS JUSTICE OF THE PEACE

(State Seal)

(Sultan of Terengganu)

FROM HIS ROYAL HIGHNESS THE SULTAN  
BY THE GRACE OF GOD,

To

Yang Mulia Engku Alwi bin Engku Haji Ambak

WHEREAS, by virtue of subsection 98(2) of the Subordinate Courts Act 1948 (*Act 92*), the State Authority may, by warrant under his hand revoke the appointment of such persons whom have been appointed as Justice of the Peace within and for the State;

NOW, THEREFORE, WE, AL-WATHIQU BILLAH AL-SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN, Darjah Utama Kerabat Terengganu Yang Amat Mulia (D.K.T.), Darjah Kerabat Diraja Terengganu Yang Amat Mulia (D.K.R.), Darjah Utama Seri Mahkota Negara (D.M.N.), Darjah Seri Setia Sultan Mizan Zainal Abidin Terengganu Yang Amat Terpilih (S.S.M.Z.), Darjah Seri Setia Sultan Mahmud Terengganu Yang Amat Terpuji (S.S.M.T.), Darjah Seri Paduka Mahkota Terengganu Yang Amat Dihormati (S.P.M.T.), Darjah Kerabat Baginda Syed Putra Perlis (D.K. (Perlis)), Darjah Kerabat Johor Yang Amat Dihormati (D.K. (Johor)), Darjah Kerabat Mahkota Brunei (D.K.M.B. (Brunei)), Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati Perak (D.K. (Perak)), Darjah Kerabat Negeri Sembilan Yang Amat Dihormati (D.K. (Negeri Sembilan)), Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati Kedah (D.K. (Kedah)), Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati Kelantan (D.K. (Kelantan)), Darjah Kerabat Yang Amat Dihormat Selangor (D.K. (Selangor)), Darjah Seri Paduka Mahkota Johor (S.P.M.J.), IBNI AL-MARHUM SULTAN MAHMUD AL-MUKTAFI BILLAH SHAH, Sultan and Sovereign Ruler of the State and Territory of Terengganu Darul Iman and all its Dependencies hereby revoke your appointment, Yang Mulia Engku Alwi bin Engku Haji Ambak as a Justice of the Peace within and for the State of Terengganu Darul Iman.

Given at Our Court at Istana Badariah, Kuala Terengganu, this 26 day of Muharam One Thousand Four Hundred and Twenty Six (1426) corresponding to the 7th day of March, Two Thousand and Five (2005).



## AKTA KAWASAN PENGAIRAN 1953

(Akta 386)  
(Disemak 1989)

## IRRIGATION AREAS ACT 1953

(Act 386)  
(Revised – 1986)**No. 515.**

## PEMBERITAHUAN DI BAWAH SEKSYEN 3

## NOTIFICATION UNDER SECTION 3

Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 3 Akta Kawasan Pengairan 1953 (*Akta 386*), Pihak Berkuasa Negeri Terengganu Darul Iman telah mengeluarkan tanah yang diperihalkan dalam Jadual daripada Kawasan Pengairan Maras (Batu Rakit) mulai dari 31 Disember 2003.

## JADUAL

Nama	—	Kawasan Pengairan Maras (Batu Rakit) (sebagaimana disiarkan dalam <i>Warta</i> Kerajaan Negeri Terengganu No. 139 bertarikh 15 Mei 1958).
Keluasan	—	17.904 hektar.
Sempadan	—	Sebagaimana yang ditandakan dengan warna kelabu dalam pelan PW 749 yang disahkan dan bertarikh menurut Kanun Tanah Negara ( <i>Akta 56/1965</i> ) dan disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri Terengganu.

In exercise of the powers conferred by section 3 of the Irrigation Areas Act 1953 (*Act 386*), the State Authority of Terengganu Darul Iman has taken out the land described in the Schedule from the Maras (Batu Rakit) Irrigation Area with effect from 31 December 2003.

## SCHEDULE

Name	—	Maras (Batu Rakit) Irrigation Area (as published vide Government of Terengganu <i>Gazette</i> Notification No. 139 dated 15 May 1958).
Area	—	17.904 hectares.
Boundaries	—	As delineated in grey in the certified plan PW 749 and dated in accordance with the National Land Code ( <i>Act 56/1965</i> ) and deposited in the office of the Director of Survey and Mapping, Terengganu.

Bertarikh 21 Julai 2005  
Dated 21 July 2005  
[PTG. Tr. 05/69/2002/0002;  
PTK. Tr. (G) 1/39 – 59;  
PUN. Tr. 70 Sj. 3 Bhg. 8]

AZMI BIN MOKTAR  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri*  
*Terengganu/*  
*Clerk of the State Executive Council*  
*Terengganu*

KANUN TANAH NEGARA  
(Akta 56 Tahun 1965)

NATIONAL LAND CODE  
(Act 56 of 1965)

**No. 516.**

PERIZABAN TANAH-TANAH BAGI MAKSUD AWAM

RESERVATION OF LANDS FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara (*Akta 56/65*), Pihak Berkuasa Negeri Terengganu Darul Iman dengan ini memberitahu bahawa sekeping tanah iaitu Bil. Lot 6874 yang terletak di Kampung Binjai Rendah, Mukim Alor Limbat dalam Daerah Marang seluas 0.9990 hektar dan dipetakan di atas pelan Akuan Bil. PA 11-064127 Bil. Syit 58-C-1 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan, Terengganu dijadikan satu rizab bagi maksud awam, iaitu suatu tapak bagi Padang Bola yang akan dijaga oleh Pegawai Daerah Marang atau pegawai-pegawai yang akan menggantikan memegang jawatannya.

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code (*Act 56/65*), the State Authority of Terengganu Darul Iman hereby notifies that the parcel of land being Lot No. 6874 situated at Kampung Binjai Rendah, Mukim Alor Limbat, in the District of Marang having an area of 0.9990 hectare and delineated upon certified plan No. CP 11-064127, Sheet No. 58-C-1 deposited in the office of the Director of Survey and Mapping, Terengganu is reserved for a public purpose, to wit, a site for Football Field to be maintained by the District Officer Marang or his successors in office.

Bertarikh 18 Julai 2005  
Dated 18 July 2005  
[PTG. Tr. 06/62/1987/G/093;  
PTM. 0480;  
PUN. Tr. 70 Sj. 3 Bhg. 8]

AZMI BIN MOKTAR  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri*  
*Terengganu/*  
*Clerk of the State Executive Council*  
*Terengganu*

**No. 517.**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara (*Akta 56/65*), Pihak Berkuasa Negeri Terengganu Darul Iman dengan ini memberitahu bahawa sekeping tanah iaitu Bil. Lot 9013 yang terletak di Kampung Pak Madah, Mukim Alor Limbat dalam Daerah Marang seluas 0.3375 hektar dan dipetakan di atas pelan Akuan Bil. PA 105444 Bil. Syit 57-B-IV yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan, Terengganu dijadikan satu rizab bagi maksud awam, iaitu suatu tapak bagi Perkuburan Islam yang akan dijaga oleh Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama, Terengganu atau pegawai-pegawai yang akan menggantikan memegang jawatannya.

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code (*Act 56/65*), the State Authority of Terengganu Darul Iman hereby notifies that the parcel of land being Lot No. 9013 situated at Kampung Pak Madah, Mukim Alor Limbat, in the District of Marang having an area of 0.3375 hectare and delineated upon certified plan No. CP 105444, Sheet No. 57-B-1V deposited in the office of the Director of Survey and Mapping, Terengganu is reserved for a public purpose, to wit, a site for Muslim Burial Ground to be maintained by the Commissioner of Religious Affairs, Terengganu or his successors in office.

Bertarikh 18 Julai 2005  
Dated 18 July 2005  
[PTG. Tr. 06/62/1998/J/052;  
PTM. 01/62/1998/0003;  
PUN. Tr. 70 Sj. 3 Bhg. 8]

AZMI BIN MOKTAR  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri*  
*Terengganu/*  
*Clerk of the State Executive Council*  
*Terengganu*

**No. 518.**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara (*Akta 56/65*), Pihak Berkuasa Negeri Terengganu Darul Iman dengan ini memberitahu bahawa sekeping tanah iaitu Bil. Lot 7662 yang terletak di Kampung Banggol Pak Ali, Mukim Alor Limbat dalam Daerah Marang seluas 1307 meter persegi dan dipetakan di atas pelan Akuan Bil. PA 75763 Bil. Syit 49-D-IV yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan, Terengganu dijadikan satu rizab bagi maksud awam, iaitu suatu tapak bagi Balai Raya yang akan dijaga oleh Pegawai Daerah Marang atau pegawai-pegawai yang akan menggantikan memegang jawatannya.

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code (*Act 56/65*), the State Authority of Terengganu Darul Iman hereby notifies that the parcel of land being Lot No. 7662 situated at Kampung Banggol Pak Ali, Mukim Alor Limbat, in the District of Marang having an area of 1307 square metres and delineated upon certified plan No. CP 75763, Sheet No. 49-D-IV deposited in the office of the Director of Survey and Mapping, Terengganu is reserved for a public purpose, to wit, a site for Community Hall to be maintained by the District Officer Marang or his successors in office.

Bertarikh 18 Julai 2005  
Dated 18 July 2005  
[PTG. Tr. 06/66/1987/0299;  
PTM. 01/62/1992/H/0003;  
PUN. Tr. 70 Sj. 3 Bhg. 8]

AZMI BIN MOKTAR  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri*  
*Terengganu/*  
*Clerk of the State Executive Council*  
*Terengganu*

**No. 519.**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara (*Akta 56/65*), Pihak Berkuasa Negeri Terengganu Darul Iman dengan ini memberitahu bahawa sekeping tanah iaitu Bil. Lot 12118 yang terletak di Kampung Bukit Mundok, Mukim Hulu Nerus dalam Daerah Setiu seluas 3961 meter persegi dan dipetakan di atas pelan Akuan Bil. PA 105728 Bil. Syit 56-A yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan, Terengganu dijadikan satu rizab bagi maksud awam, iaitu suatu tapak bagi Pusat Pertumbuhan Kanak-kanak yang akan dijaga oleh Pegawai Daerah Setiu atau pegawai-pegawai yang akan menggantikan memegang jawatannya.

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code (*Act 56/65*), the State Authority of Terengganu Darul Iman hereby notifies that the parcel of land being Lot No. 12118 situated at Kampung Bukit Mundok, Mukim Hulu Nerus, in the District of Setiu having an area of 3961 square metres and delineated upon certified plan No. CP 105728, Sheet No. 56-A deposited in the office of the Director of Survey and Mapping, Terengganu is reserved for a public purpose, to wit, a site for Children Growth Centre to be maintained by the District Officer Setiu or his successors in office.

Bertarikh 18 Julai 2005  
Dated 18 July 2005  
[PTG. Tr. 07/66/1999/0003;  
PTS. 03/15/1997/0012;  
PUN. Tr. 70 Sj. 3 Bhg. 8]

AZMI BIN MOKTAR  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri*  
*Terengganu/*  
*Clerk of the State Executive Council*  
*Terengganu*

**No. 520.**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara (*Akta 56/65*), Pihak Berkuasa Negeri Terengganu Darul Iman dengan ini memberitahu bahawa sekeping tanah iaitu Bil. Lot 8271 yang terletak di Kampung Darat Bari, Mukim Calok dalam Daerah Setiu seluas 5.758 hektar dan dipetakan di atas pelan Akuan Bil. PA 103628 Bil. Syit 18-D yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan, Terengganu dijadikan satu rizab bagi maksud awam, iaitu suatu Tambahan Tapak Rancangan Ternakan Bebiri yang akan dijaga oleh Pengarah Perkhidmatan Haiwan Negeri Terengganu atau pegawai-pegawai yang akan menggantikan memegang jawatannya.

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code (*Act 56/65*), the State Authority of Terengganu Darul Iman hereby notifies that the parcel of land being Lot No. 8271 situated at Kampung Darat Bari, Mukim Calok, in the District of Setiu having an area of 5.758 hectares and delineated upon certified plan No. CP 103628, Sheet No. 18-D deposited in the office of the Director of Survey and Mapping, Terengganu is reserved for a public purpose, to wit, a site for Additional Rancangan Ternakan Bebiri to be maintained by the Director of Veterinary, Terengganu or his successors in office.

Bertarikh 21 Julai 2005  
Dated 21 July 2005  
[PTG. Tr. 07/66/1998/0022;  
PTS. 01/66/1996/0001;  
PUN. Tr. 70 Sj. 3 Bhg. 8]

AZMI BIN MOKTAR  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri*  
*Terengganu/*  
*Clerk of the State Executive Council*  
*Terengganu*

**No. 521.**

PEMBATALAN PERIZABAN TANAH- TANAH BAGI MAKSUD AWAM  
 REVOCATION OF RESERVATION OF LANDS FOR A PUBLIC PURPOSE

Bahawasanya, menurut Pemberitahuan *Warta* Kerajaan Negeri Terengganu Bilangan 38 bertarikh 17 Januari 1991, Pihak Berkuasa Negeri Terengganu Darul Iman, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 62 Kanun Tanah Negara (*Akta 56/65*) telah mengisytiharkan iaitu sekeping tanah Bilangan Lot 011419 yang terletak di Mengabang Panjang, Mukim Batu Rakit, Daerah Kuala Terengganu seluas 37.53 hektar dan dipetakan di atas Pelan Akuan Simpanan Bilangan 11-060655 Bilangan Syit 26-A dan 26- C yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur Terengganu dijadikan satu rizab bagi maksud awam iaitu tapak rizab Perkuburan Islam yang akan dijaga oleh Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama, Terengganu atau pegawai-pegawai yang mengganti memegang jawatannya.

Dan bahawasanya, notis cadangan Pihak Berkuasa Negeri untuk membatalkan rizab tersebut telah disiarkan sebagai Pemberitahuan Bilangan 700 dalam *Warta* Kerajaan Negeri Terengganu bertarikh 9 September 2004.

Dan bahawasanya, tiada apa-apa bantahan terhadap cadangan pembatalan itu diterima.

Maka oleh yang demikian, Pihak Berkuasa Negeri pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 64(2)(b) Kanun Tanah Negara dengan ini membatalkan seluruh rizab tersebut.

Whereas, by Terengganu Government *Gazette* Notification No. 38 dated 17 January 1991, the State Authority of Terengganu Darul Iman in exercise of the powers conferred by section 62 of the National Land Code (*Act 56/65*), proclaimed that the parcel of land being Lot No. 011419 situated at Mengabang Panjang, Mukim Batu Rakit, District of Kuala Terengganu having an area of 37.53 hectares and delineated in the Certified Plan No. 11-060655, Sheet No. 26-A and 26-C deposited in the Office of the Director of Survey Terengganu to be a reserve for a public purpose, to wit a site for Muslim Burial Ground to be maintained by the Commissioner of Religious Affairs, Terengganu and his successor in the office.

And whereas, notice of the proposal of the State Authority to revoke the reserved land was published as a Notice No. 700 in the Terengganu Government *Gazette* dated 9 September 2004.

And whereas, no objection to be the proposal to revoke the aforesaid reservation was received.

Now therefore, in the exercise of the powers conferred by subsection 64(2)(b) of the National Land Code, the State Authority hereby revokes the reservation of the whole reserved land.

Bertarikh 21 Julai 2005  
 Dated 21 July 2005  
 [PTG. Tr. 05/66/1987/0323;  
 PTK. Tr. 353/78;  
 PUN. Tr. 70 Sj. 3 Bhg. 8]

AZMI BIN MOKTAR  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri*  
*Terengganu/*  
*Clerk of the State Executive Council*  
*Terengganu*

**No. 522.**

Bahawasanya, menurut Pemberitahuan *Warta* Kerajaan Negeri Terengganu Bilangan 147 bertarikh 12 Februari 1987, Pihak Berkuasa Negeri Terengganu Darul Iman, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 62 Kanun Tanah Negara (*Akta 56/65*) telah mengisytiharkan iaitu sekeping tanah Bilangan Lot 005495 yang terletak di Kampung Sungai Udang, Mukim Kuala Dungun, Daerah Dungun seluas 4359 meter persegi dan dipetakan di atas Pelan Akuan Simpanan Bilangan 11-055518 Bilangan Syit 115-A-III yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Terengganu dijadikan satu rizab bagi maksud awam iaitu tapak rizab Rumah Sembelih yang akan dijaga oleh Pegawai Daerah Dungun atau pegawai-pegawai yang mengganti memegang jawatannya.

Dan bahawasanya, notis cadangan Pihak Berkuasa Negeri untuk membatalkan rizab tersebut telah disiarkan sebagai Pemberitahuan Bilangan 701 dalam *Warta* Kerajaan Negeri Terengganu bertarikh 9 September 2004.

Dan bahawasanya, tiada apa-apa bantahan terhadap cadangan pembatalan itu diterima.

Maka oleh yang demikian, Pihak Berkuasa Negeri pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 64(2)(b) Kanun Tanah Negara dengan ini membatalkan seluruh rizab tersebut.

Whereas, by Terengganu Government *Gazette* Notification No. 147 dated 12 February 1987, the State Authority of Terengganu Darul Iman in exercise of the powers conferred by section 62 of the National Land Code (*Act 56/65*), proclaimed that the parcel of land being Lot No. 005495 situated at Kampung Sungai Udang, Mukim Kuala Dungun, District of Dungun having an area of 4359 square metres and delineated in the Certified Plan No. 11-055518, Sheet No. 115-A-III deposited in the Office of the Director of Survey Terengganu to be a reserve for a public purpose, to wit a site for Slaughter House to be maintained by the District Officer, Dungun and his successor in the office.

And whereas, notice of the proposal of the State Authority to revoke the reserved land was published as a Notice No. 701 in the Terengganu Government *Gazette* dated 9 September 2004.

And whereas, no objection to be the proposal to revoke the aforesaid reservation was received.

Now therefore, in the exercise of the powers conferred by subsection 64(2)(b) of the National Land Code, the State Authority hereby revokes the reservation of the whole reserved land.

Bertarikh 21 Julai 2005  
Dated 21 July 2005  
[PTG. Tr. 02/66/1987/0329;  
PTD. 284;  
PUN. Tr. 70 Sj. 3 Bhg. 8]

AZMI BIN MOKTAR  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri*  
*Terengganu/*  
*Clerk of the State Executive Council*  
*Terengganu*

**No. 523.**

(Seksyen 168)

NOTIS-NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN  
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN  
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Iaitu Khirul Anwar bin Mustafa K/P. A1287086 yang beralamat di d/a No. 81, Darul Mawadah, Jalan Masjid, 21700 Kuala Berang telah membuat akuan bahawa hakmilik yang dikeluarkan sebagaimana Jadual di bawah telah hilang.

## JADUAL

Pekan—Kuala Berang. No. P.T.—650. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(D) 775. Luas—2710 meter persegi.

Bertarikh 18 Julai 2005  
[PTG. Tr. 03/55/2005/B/001]

ROSMAN BIN ROSLAN  
*Pendaftar Hakmilik  
Terengganu*

**No. 524.**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Iaitu Soo Ah Hwa @ Soo Chang Hwa K/P. 440317–11–5092 yang beralamat di d/a No. 172 A, Jalan Bandar, 20100 Kuala Terengganu telah membuat akuan bahawa hakmilik yang dikeluarkan sebagaimana Jadual di bawah telah hilang.

## JADUAL

Bandar—Bandar Kuala Terengganu. No. Lot—1213. Jenis dan No. Hakmilik—Geran 4033. Luas—145.6868 meter persegi.

Bertarikh 28 Julai 2005  
